

24 AUG 1997

MAHATHIR RASMI PERLUMBAAN MERDEKA PROTON

SHAH ALAM, 24 Ogos (Bernama) -- Suasana pesta dirasakan di litar lumba Shah Alam ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Karnival dan Perlumbaan Proton 300km Merdeka.

Acara itu, yang dianjurkan bersempena perayaan Hari Merdeka, akan merangkumi perlumbaan sejauh 86 pusingan yang turut disertai sebuah pasukan wanita yang terdiri daripada Mek Nik Taib dan Zainab Musa.

Kedua-dua wanita itu memandu kereta Redzspeed Racing Proton Satria 1.6 untuk membantu mereka dalam perlumbaan itu yang telah menarik penyertaan lebih 94 pemandu dan 47 kereta.

Tiga pemenang terbaik masing-masing akan memenangi sebuah kereta Proton Putra 1.8, Proton Satria 1.6 dan Proton Wira 1.5. -- BERNAMA

ES AKD